

# BAKTI adakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Puja Usia



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

**BERAKAS GARISON**, Ahad, 7 Oktober. - Badan Kebajikan Isteri-Isteri Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (BAKTI) mengadakan majlis Doa Kesyukuran bersempena dengan Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum

Pengiran Pemancha Pengiran Anak Hajji Mohamed Alam yang Ke-72 Tahun. Majlis tersebut berlangsung di Surau Al-Faizun, Berakas Garison.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai, Solat Maghrib berjemaah diikuti dengan Solat Sunat Hajat berjemaah. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran Khas.

Hadir sebagai tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Yang Di Pertua BAKTI, Datin Hajah Rasidah binti Haji Brahim.

Turut hadir, isteri-isteri Pemerintah-Pemerintah Angkatan Tentera, serta isteri-isteri pegawai-pegawai kanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, dan isteri-isteri lain-lain peringkat.

BADAN KEBAJIKAN ISTERI-ISTERI ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI (BAKTI) mengadakan Solat Maghrib berjemaah diikuti dengan Solat Sunat Hajat berjemaah.

## Wakil Pengakap Kelana hadiri Forum Belia Pengakap di Manila



MAJLIS Penyerahan bendera kepada salah seorang ahli Pengakap Kelana (Rover Scouts) Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) menghadiri 9th Asia Pacific Region Scout Youth Forum di Manila, Filipina.

Siaran Akhbar dan Foto :  
Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 7 Oktober. - Empat orang ahli Pengakap Kelana (Rover Scouts) Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) yang terdiri daripada Haji Ahmad bin Haji Abas, Faris Fakhruhah bin Mohammad, Miza Syahmeena binti Mohammad dan Siti Aida binti Tajudin telah berlepas ke Manila, Filipina bagi menghadiri '9th Asia Pacific Region Scout Youth Forum' yang diadakan selama 4 hari bermula 9 hingga 12 Oktober 2018.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi

mengucapkan selamat baylor ialah Pesuruhjaya Antarabangsa, Awang Abdul Manan bin Haji Abdul Latip.

Terdahulu, Majlis Penyerahan bendera kepada empat orang wakil Pengakap Kelana telah diadakan pada 5hb Oktober 2018 bertempat di Ibu Pejabat PPNBD oleh Yang Di-Pertua PPNBD, Awang Haji Metussin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba,

Forum tersebut bermatlamat untuk mengumpulkan belia-belia terutamanya pengakap-pengakap Kelana dari seluruh Asia Pasifik dan dijangkakan sebanyak 160

pengakap Kelana akan menghadiri Forum Belia tersebut.

Selain itu juga forum berkenaan diharap akan menjadi platform bagi mengongsikan idea dan pendapat-pendapat belia-belia khususnya aktiviti Pengakap Kelana (Rover Scouts).

Turut hadir di lapangan terbang bagi sama-sama mengucapkan selamat baylor ialah Pesuruhjaya Perhubungan Awam , Muhammad Syahmi bin Halimshah, Pesuruhjaya Bahagian Pengakap Kelana, Hajar Norahmat binti Sidin, Penolong Pesuruhjaya Dacrah, Bahagian Pengakap Kelana Liyana binti Haji Salleh, Pemimpin-Pemimpin Pengakap dan Ahli-ahli keluarga Pengakap Kelana berkenaan.

## UNISSA bertai Pertandingan Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa Serantau

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 7 Oktober. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menyertai Pertandingan Main Peranan Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa Serantau yang pertama diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pertandingan yang penuh berprestij itu telah diadakan pada 6 Oktober 2018.

UNISSA diwakili oleh tiga orang pelajar dari program Sarjana Muda Undang-undang dan Sarjana Muda Perundangan Syariah iaitu Arif Azhan bin Awang Besar, pelajar tahun 3; Muhammad Hafiz bin Haji Hamzulani, pelajar tahun 4 dan Muhammad Rusyudin bin Bagul, pelajar tahun 5.

Rombongan diiringi oleh seorang pensyarah dari Fakulti Syariah dan Undang-undang, Dr. Ahmad Ma'sum.

Dengan menyertai pertandingan tersebut, UNISSA berharap ia dapat memberi pendekaran kepada para pelajar mengenai isu-isu yang berkaitan dengan undang-undang kemanusiaan antarabangsa.

Pertandingan juga disertai oleh pasukan-pasukan dari Malaysia, Singapura, Thailand dan Jepun. Dengan itu, pelajar akan dapat mempertingkat ilmu dan pengalaman terutama sekali dalam undang-undang kemanusiaan antarabangsa yang merupakan isu kontemporari yang tidak kurang pentingnya pada era globalisasi yang tiada sempadan.



TIGA orang pelajar wakil dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali telah menyertai Pertandingan Main Peranan Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa Serantau yang pertama diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).